



## Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA")

### **ENGLISH**

#### **Personal Data Protection Notice for Hospis Malaysia**

Hospis Malaysia ("HM") respects and is committed to the protection of your personal information and your privacy. This Personal Data Protection Notice explains how we collect and handle your personal information in accordance with the Malaysian Personal Data Protection Act 2010. Please note that HM may amend this Personal Data Protection Notice at any time without prior notice and will notify you of any such amendment via our website or by email.

#### **(1) Personal information**

##### **1.1 *Type of personal information***

Personal information means any information which relates to you and which was collected or provided to HM for the purposes stated in Section 2 below.

Your personal information may include your name, national registration identification card ("NRIC") number, contact details, financial and banking account details, medical history and information, closed-circuit television ("CCTV")/security recordings and location tracking/global positioning system ("GPS") information.

##### **1.2 *Source of personal information***

- (i) Patient or potential patient/customer: HM collects your personal information directly from you when you send us completed referral forms or indirectly from your legal representatives (family members or next of kin) or through referrals from hospitals or doctors. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.
- (ii) Donor: HM collects your personal information directly or indirectly from you when you send us completed donation forms via various means, including online and physical hardcopies at public venues or in our premises or from PayPal where donations are made through PayPal. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.
- (iii) Vendor, supplier or service provider: HM collects your personal information directly from you or indirectly from your employer or credit reference agencies when tendering for projects, when you send us completed enquiry and/or credit application forms via various means, including online and physical hardcopies. Your personal information may also be collected from cookies through the use of our website.

##### **1.3 *Obligatory personal information***

All information requested for in the relevant forms is obligatory to be provided by you unless stated otherwise.

Should you fail to provide the obligatory information, we would be unable to process your request and/or provide you with relevant services.



Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”)

**(2) Purposes of collecting and further processing (including disclosing) your personal information**

(i) Patient, potential patient, donors, vendor, supplier or service provider: Your personal information is collected and further processed by HM as required or permitted by law and to give effect to your requested commercial transaction, including the following:

- to provide you with palliative home care services;
- to provide bereavement support;
- to conduct research and audit;
- to raise funds for HM;
- to carry out awareness campaigns and programmes;
- to carry out educational programmes;
- to process your credit account application;
- to assess your credit worthiness;
- to administer and give effect to your commercial transaction (tender award, contract for service, consignment agreement);
- to process any payments related to you;
- for insurance purposes;
- for internal investigations, audit or security purposes;
- to comply with HM legal and regulatory obligations in the conduct of its business;
- to contact you regarding products, services, upcoming events, promotions, advertising, marketing and commercial materials which we may feel interest you;
- to ensure that the content from our website is presented in the most effective manner for your and for your computer and/or device; and
- for HM internal records management.

Where you have indicated your consent to receiving marketing or promotional updates from HM, you may opt-out from receiving such marketing or promotional material at any time. You may select the “unsubscribe” option provided in HM email blasts or you may contact HM at the details provided in Section (6) below.



## Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”)

### **(3) Disclosure of personal information**

Your personal information may be disclosed to relevant third parties (in or outside of Malaysia) as required under law, pursuant to relevant contractual relationship (for example, where we appoint third party service providers) or for the purposes stated in Section 2 above (or directly related to those purposes).

In the event of a potential, proposed or actual sale of business, disposal, acquisition, merger or re-organisation (“**Transaction**”), your personal information may be required to be disclosed or transferred to a third party as a result of the Transaction. You hereby acknowledge that such disclosure and transfer may occur and permit HM to release your personal information (only as required) to the other party and its advisers/representatives.

(i) Patient or potential patient, donors, Vendor, supplier or service provider: Your personal information may be disclosed to the following classes of third parties:

- The Ministry of Health and other relevant government departments or agencies;
- Third party private healthcare institutions or government healthcare institutions;
- Volunteers of HM for the purpose of assisting in the carrying out of our services;
- Foreign medical institutions upon request of the patient;
- Third parties appointed by us to provide services to us or on our behalf (such as auditors, lawyers, company secretary, printing companies, consignment vendors, contractors, conference/event organisers, other advisers, and insurance companies);
- Government departments or agencies, statutory authorities and industry regulators;
- Any person to whom we are compelled or required to do so under law or in response to a competent or government agency;
- The respective foreign embassies of foreign patients who received treatment in HM;  
and
- Law enforcement agencies, including the local police.

### **(4) Websites**

#### **4.1 *Links to other sites***

Content in HM’ website may include links to third party websites. HM is not responsible for the content on such linked third party websites and users should observe the separate privacy policies applicable to the respective third parties website.



## Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”)

### **4.2 Cookies**

HM may use cookies and similar tools across our websites to improve their performance and enhance your user experience. Cookies are small text files which a website may put on your computer or mobile device when you first visit a site or page. The cookie will help the website, or another website, to recognise your device the next time you visit. Cookies can function to remember your username and preferences or to analyse how HM' website is performing.

Certain cookies contain personal data – for example, if you click to “remember me” when logging in, a cookie will store your username. Most cookies won't collect information that identifies you, and will instead collect more general information such as how users arrive at and use our websites, or a user's general location. Where personal data is collected, such personal data will only be used for its intended purposes only, i.e. to respond to your message or deliver the requested services.

### **(5) Right to access and correct personal information**

You have the right to access and correct your personal information held by us (subject always to certain exemptions). We will make every endeavour to ensure your personal information is accurate and up to date therefore we ask that if there are changes to your information you should notify us directly.

If you would like to access or correct your personal information, please refer to our data access/correction forms available on [www.hospismalaysia.org](http://www.hospismalaysia.org) and send us the completed form or query to the contact details in Item 6 below.

### **(6) Limiting the processing of personal information, further enquiries and complaints**

If:

- (i) you would like to obtain further information on how to limit the processing of your personal information;
- (ii) you have any further query; or
- (iii) you would like to make a complaint in respect of your personal information,

you may contact :-

The Finance & Operations Manager

Tel :603-91333936  
Email Address :[info@hospismalaysia.org](mailto:info@hospismalaysia.org)  
Fax :603-91333941



Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”)

**(7) Conflict**

In the event of any conflict between this English language Personal Data Protection Notice and its corresponding Bahasa Malaysia Personal Data Protection Notice, the terms in this English language Notice shall prevail.



## Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”)

### **BAHASA MALAYSIA**

#### **Notis Perlindungan Data Peribadi bagi Hospis Malaysia**

Hospis Malaysia (“**HM**”) menghormati dan komited untuk melindungi maklumat peribadi dan privasi anda. Notis Perlindungan Data Peribadi ini menjelaskan cara kami mengumpul dan mengendalikan maklumat peribadi anda mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia. Sila ambil perhatian bahawa HM mungkin meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini pada sebarang masa tanpa notis terlebih dahulu dan akan memberitahu anda tentang sebarang pemindaan sebegitu melalui laman web kami atau e-mel.

#### **(1) Maklumat peribadi**

##### **1.1 Jenis maklumat peribadi**

Maklumat peribadi bermakna sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda yang dikumpul atau dibekalkan kepada HM bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di bawah.

Maklumat peribadi anda boleh termasuk nama anda, nombor kad pengenalan pendaftaran negara (“**NRIC**”), butir-butir perhubungan, butir-butir kewangan dan akaun bank, sejarah dan maklumat perubatan, rakaman-rakaman televisyen litar tertutup (“**CCTV**”) atau sekuriti dan penjejakan lokasi / maklumat sistem kedudukan global (“**GPS**”).

##### **1.2 Sumber maklumat peribadi**

- (i) Pesakit atau bakal pesakit/pelanggan: HM mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda apabila anda menghantar borang rujukan yang telah dilengkapkan kepada kami atau secara tidak langsung daripada wakil-wakil undang-undang (ahli keluarga atau waris) melalui rujukan daripada hospital-hospital atau doktor-doktor. Maklumat peribadi anda juga boleh dikumpul daripada cookies melalui penggunaan laman web kami.
- (ii) Penderma: HM mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung atau tidak langsung daripada anda apabila anda menghantar borang-borang pendermaan yang telah dilengkapkan kepada kami melalui pelbagai cara, termasuk dalam talian dan salinan fizikal di tempat-tempat awam di premis kami atau daripada PayPal untuk pendermaan yang dibuat melalui PayPal. Maklumat peribadi anda juga boleh dikumpul daripada cookies melalui penggunaan laman web kami.
- (iii) Penjual, pembekal atau penyedia perkhidmatan: HM mengumpul maklumat peribadi anda secara langsung daripada anda atau secara tidak langsung daripada majikan atau agensi rujukan kredit apabila menawar tender untuk projek-projek, apabila anda menghantar kami borang-borang pertanyaan dan/atau pemohonan kredit yang telah dilengkapkan melalui pelbagai cara, termasuk dalam talian atau salinan fizikal. Maklumat peribadi anda juga boleh dikumpul daripada cookies melalui penggunaan laman web kami.



## Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA")

### **1.3 Maklumat peribadi wajib**

Semua maklumat yang diminta dalam borang-borang yang berkaitan adalah wajib untuk anda bekalkan melainkan dinyatakan sebaliknya.

Sekiranya anda gagal untuk membekalkan maklumat wajib, kami tidak akan dapat memproses permintaan anda dan/atau membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan kepada anda.

### **(2) Tujuan-tujuan pengumpulan dan pemprosesan lanjut (termasuk penzahiran) maklumat peribadi anda**

(i) Pesakit, bakal pesakit, penderma, penjual, pembekal atau penyedia perkhidmatan: Maklumat peribadi anda dikumpul dan diproses selanjutnya oleh HM seperti yang diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang dan untuk melaksanakan transaksi komersial yang diminta, termasuk yang berikut:

- untuk membekalkan anda dengan perkhidmatan penjagaan rumah paliatif;
- untuk membekalkan sokongan perkabungan;
- untuk menjalankan penyelidikan dan analisis perubatan;
- untuk mengumpul dana untuk HM;
- untuk menjalankan kempen-kempen dan program-program kesedaran
- untuk menjalankan program pendidikan;
- untuk memproses permohonan akaun kredit anda;
- untuk menilai kebolehpercayaan kredit anda;
- untuk mentadbir dan memberi kesan kepada transaksi komersial anda (pemberian tender, kontrak untuk perkhidmatan, perjanjian konsainan);
- untuk memproses sebarang bayaran yang berkaitan dengan anda;
- untuk tujuan-tujuan insurans;
- untuk siasatan dalaman, audit atau tujuan-tujuan keselamatan;
- untuk mematuhi obligasi-obligasi undang-undang dan kawal selia HM dalam perjalanan perniagaannya;
- untuk menghubungi anda berkenaan produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, acara-acara akan datang, promosi, pengiklanan, pemasaran dan bahan-bahan komersial yang kami rasa dapat menarik minat anda;
- untuk memastikan kandungan laman web kami dipamerkan dalam cara yang paling berkesan untuk anda dan komputer dan/atau peranti anda; dan



## Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA")

- untuk pengurusan rekod dalaman HM.

Dalam keadaan anda telah menunjukkan persetujuan anda untuk menerima maklumat terkini tentang pemasaran dan promosi daripada HM, anda boleh memilih untuk dikeluarkan daripada menerima bahan pemasaran atau promosi sebegitu pada bila-bila masa. Anda boleh memilih pilihan "unsubscribe" yang dibekalkan dalam e-mel yang

dihantar oleh HM atau anda boleh menghubungi HM melalui butir-butir yang dibekalkan dalam Seksyen (6) di bawah.

### (3) **Penzahiran maklumat peribadi**

Maklumat peribadi anda mungkin dizahirkan kepada pihak-pihak ketiga yang berkaitan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) seperti yang diperlukan di bawah undang-undang atau menurut hubungan kontrak yang berkenaan (sebagai contoh, kami melantik pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga) atau bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Seksyen 2 di atas (atau secara langsung berkaitan dengan tujuan-tujuan tersebut).

Dalam keadaan suatu penjualan perniagaan, pelupusan, perolehan, penggabungan atau penyusunan semula yang berpotensi, dirancang atau sebenar ("**Transaksi**"), maklumat peribadi anda mungkin diperlukan untuk didedahkan atau dipindah kepada suatu pihak ketiga sebagai akibat Transaksi tersebut. Anda di sini mengaku bahawa penzahiran dan pemindahan sebegitu boleh berlaku dan membenarkan HM untuk menzahirkan maklumat peribadi anda (setakat diperlukan) kepada pihak-pihak yang lain dan penasihat-penasihat/wakil-wakilnya.

- (i) Pesakit, bakal pesakit, penderma, penjual, pembekal atau penyedia perkhidmatan: Maklumat peribadi anda mungkin dizahirkan kepada kelas pihak-pihak ketiga di bawah:

- Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan berkaitan yang lain;
- Institusi-institusi penjagaan kesihatan swasta pihak ketiga atau institusi-institusi penjagaan kesihatan kerajaan;
- Sukarelawan-sukarelawan HM semasa menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan perkhidmatan HM
- Institusi-institusi perubatan luar negara atas kehendak pesakit;
- Pihak-pihak ketiga yang kami lantik untuk membekalkan perkhidmatan kepada kami atau bagi pihak kami (seperti juruaudit, peguam-peguam, setiausaha-setiausaha syarikat, syarikat-syarikat percetakan, penjual-penjual konsainan, kontraktor, penganjur-penganjur persidangan/acara, penasihat-penasihat lain, dan syarikat-syarikat insurans);

-





## Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA")

- Jabatan-jabatan kerajaan atau agensi-agensi, pihak-pihak berkuasa dan pengawal-pengawal selia industri;
- Mana-mana orang yang mana kami adalah diwajibkan atau diperlukan di bawah undang-undang atau sebagai respons kepada satu agensi kerajaan atau yang kompeten;
- Kedutaan asing masing-masing bagi pesakit-pesakit asing yang menerima rawatan di HM; dan
- Agensi-agensi penguatkuasa undang-undang, termasuk polis tempatan.

### **(4) Laman Web**

#### **4.1 *Pautan ke laman-laman web yang lain***

Kandungan dalam laman web HM mungkin termasuk pautan kepada laman web pihak ketiga. HM tidak bertanggungjawab untuk kandungan laman web pihak ketiga yang dipautkan dan pengguna patut memerhatikan dasar privasi yang berasingan berkenaan dengan laman web pihak ketiga masing-masing.

#### **4.2 *Cookies***

HM mungkin menggunakan cookies dan peralatan yang sama di seluruh laman web kami untuk meningkatkan prestasi laman web kami dan meningkatkan pengalaman pengguna anda. Cookies merupakan fail teks kecil yang laman web boleh meletakkan pada komputer anda atau peranti mudah alih anda apabila anda melawat sesuatu laman web untuk pertama kali. Cookies akan membantu laman web, atau laman web lain, mengenal pasti peranti anda apabila anda melawat laman web tersebut pada lain kali. Cookies boleh berfungsi untuk mengingatkan nama pengguna dan kehendak anda atau untuk menganalisis prestasi laman web HM.

Cookies tertentu mengandungi data peribadi - sebagai contoh, jika anda klik untuk "ingat saya" apabila log masuk, sesuatu cookie akan menyimpan nama pengguna anda. Kebanyakan cookies tidak akan mengumpul maklumat yang mengenal pasti anda, dan sebaliknya akan mengumpul maklumat umum yang lebih seperti bagaimana pengguna tiba di dan menggunakan laman web kami, atau lokasi umum pengguna. Di mana data peribadi dikumpul, data peribadi tersebut hanya akan digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan sahaja, iaitu untuk bertindak balas terhadap mesej anda atau memberikan perkhidmatan yang diminta.

### **(5) Hak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi**

Anda mempunyai hak untuk mengakses dan meminda maklumat peribadi anda yang kami pegang (tertakhluk selalunya kepada pengecualian-pengecualian yang tertentu). Kami akan melakukan sedaya usaha untuk memastikan maklumat peribadi anda adalah tepat dan terkini dan justeru itu kami meminta agar anda terus memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat anda.



Notice Relating to the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”)

Jika anda ingin mengakses atau meminda maklumat peribadi anda, sila rujuk borang-borang akses data standard/pemindaan yang terdapat di [www.hospismalaysia.org](http://www.hospismalaysia.org) dan hantar borang yang telah dilengkapkan atau sebarang pertanyaan ke butir-butir perhubungan dalam Item 6 di bawah.

**(6) Pengehadan pemprosesan maklumat peribadi, pertanyaan lanjut dan aduan**

Sekiranya:

- (i) anda ingin memperoleh maklumat lanjut tentang cara untuk mengehadkan pemprosesan maklumat peribadi anda;
- (ii) anda mempunyai pertanyaan lanjut; atau
- (iii) anda ingin membuat suatu aduan berkenaan dengan maklumat peribadi anda,

anda boleh menghubungi:-

Pegawai Kewangan dan Operasi

Tel :603-91333936  
Alamat E-mel :[info@hospismalaysia.org](mailto:info@hospismalaysia.org)  
Faks :603-91333941

**(7) Konflik**

Dalam keadaan berlakunya sebarang konflik antara Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam bahasa Inggeris dengan Notis Perlindungan Data Peribadi ini dalam Bahasa Malaysia yang sepadan dengannya, terma-terma Notis dalam Bahasa Inggeris akan diguna pakai.